



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 18 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 18 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,497 kes** (432,600 kes kumulatif, 90.2%);
- Kes baharu : **4,865 kes** (479,421 kes kumulatif);
- Kes import : **5 kes** (3 warganegara, 2 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,860 kes** [4,650 warganegara (95.7%); 210 bukan warganegara (4.3%)];
- Kes aktif : **44,827 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **531 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **277 kes**;
- Kes kematian : **47 kes** (1,994 kes kumulatif, 0.42%; 46 warganegara, 1 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **1,920 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **19 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,423 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **497 kluster**.

Terdapat **47 kes kematian** pada hari ini yang melibatkan **18 kes** di Selangor, masing-masing **lima (5) kes** di Sarawak dan Pulau Pinang, masing-masing **empat (4) kes** di Johor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Kelantan, **tiga (3) kes** di Perak, **dua (2) kes** di Pahang, serta masing-masing **satu (1) kes** di Kedah dan Negeri Sembilan.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 1, 2, 3 dan 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KAWALAN PERGERAKAN KENDIRI DALAM TEMPOH PKP BAGI MEMBENDUNG SEGERA WABAK COVID-19

Penularan varian-varian baharu virus SARS-CoV-2 di dalam komuniti terutamanya beberapa *Variant of Concern* (VOC) di Malaysia kebelakangan ini adalah amat membimbangkan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan akan berlaku lonjakan bilangan kes harian COVID-19 seperti yang telah berlaku di luar negara. Ini adalah kerana varian-varian VOC ini dikaitkan dengan kadar penularan yang lebih cepat dengan kadar kematian yang lebih tinggi.

Selain daripada meningkatkan kapasiti sistem perkhidmatan kesihatan negara, KKM ingin menyarankan supaya orang ramai melakukan **kawalan pergerakan sendiri terutama dalam tempoh PKP** bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 di negara kita. Ianya bermula dengan diri kita sendiri. Kawalan pergerakan sendiri ini boleh dilakukan dengan duduk sahaja di rumah, tidak keluar dari rumah jika tiada keperluan penting dan mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan terutama sekiranya perlu keluar rumah atas apa-apa urusan penting. Majikan juga digalakkan untuk memberi kebenaran kepada pekerja untuk bekerja dari rumah (BDR) dan menghadkan bilangan pekerja yang hadir ke pejabat pada satu-satu masa.

Orang ramai boleh melakukan kawalan pergerakan sendiri ini dengan mematuhi langkah-langkah seperti berikut;

1. Kekal duduk di rumah sekiranya tiada urusan penting di luar;
2. Sentiasa menjaga penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, dan kerap cuci tangan dengan sabun atau *hand sanitizer*;
3. Elakkan daripada menyertai sebarang aktiviti yang berisiko untuk terdedah dengan orang ramai;
4. Elakkan daripada menerima tetamu di rumah;

5. Optimalkan penggunaan teknologi komunikasi untuk kekal berhubung dengan sahabat-sahabat dan sanak-saudara;
6. Gunakan perkhidmatan atas talian sekiranya perlu membuat sebarang pembelian;
7. Rancang pergerakan anda bagi mengelakkan kesesakan di tempat awam sekiranya perlu keluar dari rumah;
8. Masak makanan sendiri untuk khasiat yang lebih baik dan seterusnya mengelakkan daripada risiko untuk mendapat jangkitan COVID-19;
9. Lakukan aktiviti senaman di dalam kawasan rumah sendiri;
10. Amalkan kuarantin sendiri di rumah dengan penuh tanggungjawab sekiranya :
 - a. telah dikenal pasti di aplikasi MySejahtera sebagai kontak casual, *Person Under Surveillance* (PUS), kes suspek, atau *confirmed case*;
 - b. setelah menjalani ujian saringan COVID-19 sehingga keputusan ujian diketahui;
 - c. telah dikenalpasti sebagai kontak rapat dan masih menunggu panggilan daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD); dan
 - d. Sekiranya telah dikesan positif COVID-19 dan sedang menunggu panggilan PKD, sila kekal tinggal di rumah

melainkan memerlukan rawatan perubatan kecemasan.

Negara masih kekal merekodkan kes harian COVID-19 melebihi empat digit dengan kes aktif ketika ini sudah melebihi 40 ribu kes. Kebanyakan hospital kerajaan mahupun swasta, serta Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di seluruh negara juga telah hampir mencecah kapasiti maksimum. Lebih membimbangkan, didapati terdapat semakin banyak kes positif yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan sokongan alat bantuan pernafasan sejak beberapa minggu kebelakangan ini. Pada masa yang sama juga, jumlah kes kematian harian yang dilaporkan kepada CPMC Kebangsaan makin meningkat saban hari.

Peningkatan kes-kes secara mendadak ini telah memberi tekanan hebat kepada sistem perkhidmatan kesihatan negara dan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memutuskan rantai jangkitan COVID-19. Rakyat Malaysia adalah barisan hadapan yang amat penting pada ketika ini dan diharap untuk terus patuh duduk di rumah sekiranya tiada urusan penting di luar. Kita tiada pilihan lagi, kita mesti jaga kita!

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

18 Mei 2021 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 18 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,743 (3)	157,056
SABAH	95	59,504
JOHOR	407	51,217
WP KUALA LUMPUR	477 (2)	50,582
SARAWAK	512	39,328
PULAU PINANG	220	24,157
NEGERI SEMBILAN	149	21,024
KELANTAN	406	19,973
PERAK	160	17,144
KEDAH	244	13,325
MELAKA	127	8,878
PAHANG	152	6,814
TERENGGANU	156	5,941
WP LABUAN	6	2,523
WP PUTRAJAYA	9	1,562
PERLIS	2	393
JUMLAH KESELURUHAN	4,865 (5)	479,421

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 47 kes kematian pada 18 Mei 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1948	Selangor	Lelaki (WN)	62	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1949	Selangor	Perempuan (WN)	57	Jenazah dibawa ke Hospital Selayang	Buah pinggang kronik
1950	Selangor	Lelaki (WN)	72	Hospital Ampang	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
1951	Pahang	Perempuan (WN)	60	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1952	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Ampang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1953	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Ampang	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
1954	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	85	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1955	Sarawak	Perempuan (WN)	71	Hospital Sibul	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan <i>hyperthyroidism</i>
1956	Selangor	Lelaki (WN)	74	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
1957	Selangor	Perempuan (WN)	48	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit kencing manis, dislipidemia, dan <i>hypothyroidism</i>
1958	Kelantan	Lelaki (WN)	68	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit darah tinggi dan Parkinson
1959	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	60	Hospital Pulau Pinang	Penyakit darah tinggi dan jantung
1960	Pahang	Lelaki (WN)	53	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1961	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Shah Alam	Penyakit kencing manis dan jantung

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1962	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	60	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis
1963	Kelantan	Lelaki (WN)	66	Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian	Penyakit dislipidemia
1964	Kelantan	Perempuan (WN)	33	Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai	Penyakit asma dan obesiti
1965	Sarawak	Lelaki (WN)	64	Hospital Kapit	Penyakit kencing manis dan dislipidemia
1966	Kelantan	Perempuan (WN)	75	Hospital Tanah Merah	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1967	Perak	Lelaki (WN)	36	Hospital Taiping	<i>Panhypopituitarism</i>
1968	Selangor	Perempuan (WN)	44	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	-
1969	Johor	Lelaki (WN)	64	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Penyakit kencing manis
1970	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	84	Hospital Kepala Batas	Penyakit asma
1971	Sarawak	Perempuan (WN)	51	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi dan asma
1972	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	66	Hospital Pulau Pinang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1973	Sarawak	Perempuan (WN)	73	Hospital Kapit	Penyakit darah tinggi, paru-paru obstruktif kronik, dan jantung
1974	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	69	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	<i>Muscular dystrophy</i>
1975	Perak	Perempuan (WN)	94	Jenazah dibawa ke Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh	Penyakit darah tinggi

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1976	Selangor	Lelaki (WN)	78	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
1977	Sarawak	Lelaki (WN)	73	Hospital Kapit	Penyakit darah tinggi, gout, jantung, dan buah pinggang kronik
1978	Pulau Pinang	Perempuan (WN)	74	Hospital Kepala Batas	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
1979	Kedah	Perempuan (WN)	63	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
1980	Selangor	Perempuan (WN)	68	Jenazah dibawa ke Hospital Banting	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1981	Selangor	Lelaki (WN)	61	Jenazah dibawa ke Hospital Selayang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1982	Johor	Perempuan (WN)	57	Hospital Sultan Ismail, Johor Bharu	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1983	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	83	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, asma, dan strok
1984	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	65	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1985	Selangor	Lelaki (WN)	76	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis dan dislipidemia
1986	Selangor	Lelaki (WN)	58	Hospital Shah Alam	Penyakit kencing manis

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1987	Selangor	Lelaki (WN)	54	Hospital Shah Alam	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan asma
1988	Selangor	Perempuan (WN)	54	Hospital Shah Alam	-
1989	Selangor	Lelaki (WN)	41	Hospital Serdang	Penyakit gout
1990	Johor	Perempuan (WN)	71	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1991	Johor	Lelaki (WN)	56	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis
1992	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	64	Hospital Kepala Batas	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
1993	Perak	Lelaki (WN)	45	Jenazah dibawa ke Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1994	Selangor	Perempuan (BWN)	49	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

LAMPIRAN 3

Perincian 4,865 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 18 Mei 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	1,743	64	1,261	3	415
SARAWAK	512	76	348	-	88
WP KUALA LUMPUR	477	49	256	2	170
JOHOR	407	94	194	-	119
KELANTAN	406	19	294	-	93
KEDAH	244	66	95	-	83
PULAU PINANG	220	9	107	-	104
PERAK	160	46	84	-	30
TERENGGANU	156	38	96	-	22
PAHANG	152	85	48	-	19
NEGERI SEMBILAN	149	20	87	-	42
MELAKA	127	22	85	-	20
SABAH	95	13	53	-	29
WP PUTRAJAYA	9	-	5	-	4
WP LABUAN	6	-	3	-	3
PERLIS	2	-	1	-	1
JUMLAH KESELURUHAN	4,865	601	3,017	5	1,242

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 18 MEI 2021**

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Jalan Petaling Industri	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	7	275
2	Jalan Besi Satu	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	12	72
3	Utarid Sembilan Belas	Tempat Kerja	Selangor	Petaling	12	118
4	Jalan Kampung Taib	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	14	180
5	Bayan Lepas Innoplex	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan	11	43
6	Dah Helang	Tempat Kerja	Kedah	Langkawi	30	76
7	Dah Arked	Tempat Kerja	Kedah	Baling	24	91
8	Jalan Bukit Mutiara	Keagamaan	Johor	Johor Bahru	7	343
9	Jalan Helang Siput	Keagamaan	WP Kuala Lumpur	Kepong	9	66
10	Kampung Kemuning	Keagamaan	Melaka	Alor Gajah	24	68
11	Jalan Batu Dua	Keagamaan	Negeri Sembilan	Port Dickson	45	271
12	Banggol	Keagamaan	Terengganu	Setiu	22	116

13	Jalan Sri Putri Empat	Institusi Pendidikan KPM	Johor	Kulai dan Pontian	20	63
14	Jalan Lima Belas	Institusi Pendidikan Swasta Berdaftar di Bawah KPM	WP Kuala Lumpur dan Selangor	Cheras, Lembah Pantai, Hulu Langat, dan Petaling	12	297
15	Gong Badak	Pendidikan Tinggi	Terengganu	Kuala Nerus, Kuala Terengganu, dan Besut	36	409
16	Hulu Spaoh	Komuniti	Sarawak	Betong dan Samarahan	20	48
17	Jelang	Komuniti	Sarawak	Betong	22	141
18	Seri Sutra	Komuniti	Perak	Kinta	16	45
19	Jambu Bongkok	Komuniti	Terengganu	Marang dan Dungun	18	186